

LOKALISASI TADBIR URUS ZAKAT DI MASJID: KAJIAN DI BANDAR BARU BANGI SELANGOR

LOCALIZING GOVERNANCE OF ZAKAT AT MOSQUE: A STUDY IN BANDAR BARU BANGI, SELANGOR

ⁱNajihah Ismail, ⁱⁱSanep Ahmad, ⁱⁱⁱHairunizam Wahid

ⁱ (Corresponding author). Pusat Pengajian Ekonomi Fakulti Ekonomi & Pengurusan,
Universiti Kebangsaan Malaysia

ⁱⁱ Profesor Madya di Pusat Pengajian Ekonomi, FEP, UKM
nep@ukm.edu.my

ⁱⁱⁱ Pensyarah kanan di Pusat Pengajian Ekonomi, FEP, UKM
hairun@ukm.edu.my

Abstrak

Pada masa kini terdapat hampir setiap daerah mempunyai pejabat zakat yang diuruskan oleh institusi zakat. Namun begitu perlaksanaan kaedah ni masih menimbulkan perdebatan dalam kalangan ahli akademik berkenaan sejauhmanakah ia dapat menyelesaikan masalah permohonan dan penerimaan dana zakat kepada asnaf yang akhirnya dapat meningkatkan keberkesanan pengurusan zakat. Ini kerana terdapat beberapa kajian lepas yang telah mencadangkan peranan masjid dalam menguruskan zakat. Justeru, kajian ini bertujuan untuk mengkaji persepsi masyarakat Islam terhadap cadangan melokalisasikan pejabat zakat di masjid di Bandar Baru Bangi. Kajian ini dilakukan dengan menggunakan metod kuantitatif untuk menganalisis persepsi responden terhadap isu lokalisasi pejabat zakat di masjid serta mengkaji peranan masjid sebagai tempat utama dalam mengagihkan zakat. Hasil kajian juga menunjukkan, majoriti masyarakat setempat bersetuju melokalisasikan pejabat zakat di masjid. Hasil kajian juga mendapati terdapat dua faktor utama persetujuan ini. Pertamanya ialah lokasi masjid yang strategik dan mudah untuk diakses oleh masyarakat dan keduanya, masjid

Abstract

Nowadays almost every district in Selangor has their own zakat offices operated by zakat institution. However, this implementation is still being debated among the scholars whether it could solve asnafs problems in applying and receiving zakat fund as well as to improve the effectiveness of zakat management. Several studies have suggested the role of mosque in managing zakat fund in order to improve the effectiveness of zakat distribution. Therefore, this study aims to examine the perception of the Muslim community toward the idea of localizing the zakat office in the mosque which located in Bandar Baru Bangi. This study was conducted using quantitative methods to analyze the perception of respondents towards localization of zakat office at mosque and the role of the mosque as the main place to distribute zakat. The results show that the majority of respondents agreed the idea of localization of zakat office at the mosque. This study also reveals that there are two main factors why the Muslim agreed on this matter. First the location of the mosque that has a strategic access point and second, the mosque as a main place of any Islamic activity of the Ummah. Finally, several recommendations and policy implications have been proposed in this study.

<p>sebagai tempat aktiviti utama umat Islam. Akhirnya beberapa cadangan dan implikasi polisi turut dicadangkan dalam kajian ini.</p> <p>Kata kunci : Lokalisasi pejabat zakat, Masjid, tadbir urus</p>	<p>Keywords: localization of zakat office, Mosque, governance.</p>
---	---

PENDAHULUAN

Zakat merupakan satu daripada lima rukun yang telah ditetapkan dalam Islam. Zakat merupakan suatu mekanisme pengagihan harta dan keseimbangan sosial yang disyariatkan oleh Allah s.w.t. yang didasari oleh falsafah dan maqasid. Asnaf-asnaf zakat telah ditentukan dalam Surah At-Taubah, ayat 60 yang bermaksud :

“Sesungguhnya sedekah-sedekah (zakat) itu hanyalah untuk orang-orang fakir, dan orang-orang miskin, dan amil-amil yang mengurusnya dan orang-orang yang dijinakkan hatinya dan untuk hamba-hamba yang hendak memerdekaan dirinya dan orang-orang yang berhutang dan untuk (dibelanjakan pada) jalan Allah dan untuk orang-orang di dalam perjalanan (yang keputusan belanja). Ketetapan hukum yang demikian itu ialah sebagai satu ketetapan yang datangnya dari Allah. Dan ingatlah Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Bijaksana.”

Walaupun Al-Quran telah menetapkan lapan golongan yang layak dan berhak menerima zakat, namun aspek pengagihan zakat terus menjadi isu berpanjangan memandangkan masih ramai asnaf yang tidak menerima bantuan zakat. Ekoran kekangan tertentu, pengagihan zakat tidak dapat dilaksanakan secara menyeluruh. Situasi itu telah mengundang keluhan masyarakat terhadap peranan yang dimainkan oleh institusi zakat. Di samping itu, turut wujud isu berkaitan keberkesanan sistem agihan zakat yang diamalkan oleh setiap negeri di Malaysia sama ada inisiatif yang sedia ada memadai dalam pengagihan zakat yang lebih efektif. Ini kerana terdapat sedikit perbezaan dalam pengurusan zakat antara negeri seperti asnaf keutamaan yang menerima zakat di setiap negeri. Walaupun daripada aspek fiqh menunjukkan tugas amil mengagihkan zakat selesai setelah mengagihkan kepada sekurang-kurangnya tiga asnaf, namun masih banyak tugas yang perlu dilakukan oleh institusi zakat. Selain itu, kelemahan agihan juga dikenal pasti berpunca dari masalah maklumat asnaf zakat dan perbezaan definisi setiap asnaf di setiap negeri yang menimbulkan kerumitan kepada amil untuk pengagihan (Sanep & Zulkifli, 2010).

Menurut Muhammad Syukri (2006), alternatif kepada penyelesaian masalah ini ialah perlaksanaan konsep lokalisasi dalam pengurusan zakat. Konsep lokalisasi menjurus kepada konsep pentadbiran atau tadbir urus sesebuah organisasi iaitu dalam konteks kajian ini ia difokuskan kepada pusat pengurusan zakat. Tadbir urus sesebuah organisasi sangat berkait rapat dengan sentralisasi dan desentralisasi. Sentralisasi bermaksud memusatkan seluruh kuasa yang berkaitan pemerintahan

atau pentadbiran kepada peringkat pusat. Pengurusan zakat yang berpusat di satu tempat, misalnya di ibu-ibu negeri atau di bandar besar, tentulah sukar menyebar turun ke kawasan tanggungjawabnya, tambah lagi sekiranya kawasan tanggungjawabnya adalah terlalu luas. (Muhammad Syukri, 2006). Menurut kajian Salleh lagi, pusat pengurusan zakat yang jauh dari pembayar dan asnaf menyukarkan mereka untuk berurus. Manakala menurut Worldbank¹ desentralisasi didefinisikan sebagai pemulangan kuasa pentadbiran, perundangan dan kewangan secara berperingkat oleh kerajaan pusat kepada kerajaan negeri. Pada masa yang sama juga, kerajaan pusat mengekalkan kuasa yang cukup untuk menjaga keselarasan pentadbiran dan kestabilan kewangan. Desentralisasi secara mudah ditakrifkan sebagai penyerahan atau sebagai pengalihan tanggung jawab, kuasa, dan sumber (dana, manusia dan lain-lain) daripada kerajaan pusat ke daerah sama ada mengenai pelaksanaannya, perancangan dan pembiayaannya. Dalam konteks kajian ini, desentralisasi merupakan salah satu kaedah lokalisasi pusat pengurusan zakat. Lokalisasi pusat pengurusan zakat dalam kajian ini menfokuskan lokalisasi pusat pengurusan zakat iaitu dari aspek tempat yang mana pentadbirannya lebih bersesuaian dan memudahkan pembayar dan asnaf untuk berurus.

Berbalik kepada pengurusan zakat semasa, walaupun jumlah kutipan zakat dilaporkan semakin meningkat dari tahun ke tahun, namun masalah perhubungan antara pusat pengurusan zakat dan asnaf masih dipertikaikan, dikatakan spesifikasi kaunter dan pusat zakat itu sendiri menjadikan jurang antara pusat zakat dan asnaf semakin lompang. Salah satu sebab timbulnya jurang perhubungan tersebut ialah kerana terlalu luasnya kawasan yang dipertanggungjawabkan kepada sesuatu pusat pengurusan zakat tersebut. Semakin besar kawasan yang dipertanggungjawabkan, semakin luas lah jurang perhubungan antara pusat pengurusan zakat dengan pembayar dan penerima zakat (Muhammad Syukri 2006). Tambahan pula jika masalah lokasi kaunter dan pusat zakat yang dibuka terlindung daripada kegiatan penduduk setempat, contohnya masalah lokasi yang tidak strategik dan keadaan kaunter dan pusat zakat itu sendiri yang tidak menarik minat si pembayar dan penerima zakat di kawasan tersebut. Persoalannya adakah masalah ini berkemungkinan berlaku di pejabat zakat di Bandar Baru Bangi. Kaunter Lembaga Zakat Selangor (LZS) yang terletak di Seksyen 8, Bandar Baru Bangi ini telah beroperasi bermula tahun 2010. Kaunter LZS Bandar Baru Bangi telah dibuka di bangunan kedai di hadapan Kompleks PKNS ini beroperasi pada waktu pejabat iaitu Isnin hingga Jumaat. Kaunter LZS, Bandar Baru Bangi adalah mewakili pusat pengurusan zakat bukan sahaja untuk penduduk di daerah Bandar Baru Bangi sahaja, malah ia juga mewakili penduduk di Semenyih dan Beranang. Walaupun hanya berbekalkan empat orang tenaga manusia atau pegawai tetap namun pencapaian kaunter LZS Bandar Baru Bangi pada peringkat awal penubuhan

¹ *Decentralization & Subnational Regional Economics*, <http://www1.worldbank.org/publicsector/decentralization/fiscal.htm>, dicapai pada 18 Disember 2017.

menunjukkan kutipan yang agak memberangsangkan apabila tersenarai antara kaunter yang tertinggi daripada segi kutipan zakat.

Pada tahun pertama penubuhannya iaitu pada tahun 2010, ia mencatatkan jumlah kutipan yang agak besar iaitu sebanyak RM9.28 juta dan pencapaian meningkat dari setahun ke setahun. Berdasarkan Laporan Tahunan 2012, kaunter LZS cawangan Bandar Baru Bangi telah mencatatkan peningkatan jumlah kutipan yang tertinggi pada tahun 2012 dan sekali gus sebagai kaunter LZS yang paling tinggi kutipannya iaitu sebanyak RM16.18 juta. Menurut salah seorang pegawai agihan zakat kaunter LZS, Muhammad Nafi bin Jemaron cadangan untuk menambah penempatan pusat pengurusan zakat sedang dikaji oleh pihak LZS iaitu untuk menubuhkan satu lagi pusat pengurusan zakat di masjid utama di Bandar Baru Bangi, menurutnya lagi pusat pengurusan zakat tersebut akan beroperasi pada waktu malam bagi memudahkan penduduk setempat. Manakala pada waktu siang, urusan pengurusan zakat akan dijalankan di kaunter yang sedia ada di kawasan Bandar Baru Bangi. Bagaimanapun cadangan tersebut masih dalam penelitian dan banyak aspek yang harus dipertimbangkan. Tambah beliau lagi secara purata seramai hampir 1,800 orang sebulan pengunjung yang terdiri daripada asnaf dan pembayar zakat mengunjungi pusat zakat LZS cawangan Bandar Baru Bangi iaitu purata seramai 90 orang dalam sehari. Kebanyakan pengunjung terdiri daripada asnaf yang ingin memohon bantuan zakat.

Kejayaan LZS dalam meneruskan usaha untuk memperluaskan kaunter zakat ke seluruh bandar di negeri Selangor merupakan satu usaha untuk menangani masalah dan rungutan masyarakat terhadap pengurusan zakat. Selain menambah bilangan pusat zakat, penstrukturkan pusat zakat juga perlu dengan cara melokalisasi pusat zakat di tempat tumpuan umat islam iaitu di masjid. Cadangan untuk melokalisasikan pusat zakat di Bandar Baru Bangi telah diutarakan oleh pihak LZS iaitu untuk menempatkan satu kaunter atau pusat zakat di masjid utama di Bandar Baru Bangi seperti yang telah di jalankan oleh Masjid utama di Klang dan Shah Alam, kini cadangan tersebut masih dalam pertimbangan yang mana ianya akan beroperasi pada waktu malam bagi memudahkan penduduk setempat. Manakala pada waktu siang, urusan pengurusan zakat akan dijalankan di kaunter yang sedia ada di kawasan Bandar Baru Bangi. Bagaimanapun cadangan tersebut masih dalam penelitian dan banyak aspek yang harus dipertimbangkan. Persoalan nya adakah masyarakat setempat bersetuju untuk melakukan lokalisasi pusat zakat di Masjid utama di Bandar Baru Bangi dan faktor yang mempengaruhi mereka dalam membuat persetujuan tersebut.

KAJIAN LEPAS

Kelebihan konsep lokalisasi ditunjukkan dalam banyak kajian yang dijalankan contohnya dalam aspek ekonomi terutamanya dalam mempraktikkan tadbir urus yang baik (*good governance*) dalam sesebuah institusi (Radiah, Hairunnizam dan Sanep, 2010). Muhammad Syukri (2006) membincangkan bagaimana lokalisasi boleh

menyelesaikan masalah agihan zakat iaitu dengan melokalisasikan pentadbiran pengurusan zakat kepada skop yang lebih kecil dengan cara penyerahan pengurusan zakat dari pemerintah pusat kepada pemerintah daerah ianya juga dikenali sebagai desentralisasi. Lokalisasi akan menghasilkan satu sistem yang mudah, tepat dan merata, ini kerana apabila pengurusan dilaksanakan pada skop yang lebih kecil, contohnya dari pengurusan daerah kepada pengurusan peringkat kampung. Oleh itu mereka yang ingin membayar zakat tidak payah bersusah-susah ke pusat negeri, manakala asnaf-asnaf pula dapat dikenalpasti dengan lebih tepat dan lengkap (Muhammad Syukri, 2006).

Hairunizam, Sanep dan Radiah (2012b) juga telah membuktikan majoriti amil telah bersedia memikul tanggungjawab melaksanakan konsep penyempatan atau lokalisasi, menurut kajian tersebut amil sanggup merealisasikan secara praktis cadangan menyetempatkan kuasa memungut dan mengagih zakat daripada lokaliti pusat kepada lokaliti tempatan. Kajian Kahf (1999) menunjukkan lokalisasi atau penyempatan zakat sudah diamalkan pada zaman Rasulullah s.a.w. Kaedah lokalisasi memudahkan masyarakat kerana pengagihan dapat dilakukan dengan segera tanpa kelewatan masa (Nik Mustapha, 1991). Masjid merupakan satu penyempatan atau proses lokalisasi yang paling sesuai dan dipersetujui semua golongan sama ada amil atau penerima zakat. Hubungan antara peranan masjid dan cadangan lokalisasi pengagihan zakat menunjukkan hubungan yang positif . Menurut Hairunizam, Sanep dan Radiah (2012a), masjid merupakan institusi yang dipercayai dalam menyelesaikan masalah pengurusan dan pentadbiran zakat.

Setelah melihat kepada kajian yang dibuat oleh beberapa pengkaji sebelumnya, terdapat kurangnya kajian mengenai penempatan pusat zakat. Walaupun begitu banyak limpahan kajian mengenai zakat namun kajian banyak memfokuskan tentang aspek kutipan, kesedaran membayar zakat dan kelebihan membayar zakat. Terdapat juga kajian baru tentang cadangan melokalisasikan zakat yang dibuat oleh Hairunizam et. al,(2012b) dimana dalam kajiannya memfokuskan ketersediaan amil dan asnaf dalam melaksanakan konsep lokalisasi. Secara umumnya tidak terdapat kajian yang membincangkan tentang ketersediaan masyarakat dalam menerima cadangan penempatan atau melokalisasi pusat zakat utama di masjid utama di kawasan mereka. Oleh itu kajian ini akan mengkaji cadangan melokalisasikan pusat pengurusan zakat menurut perspektif masyarakat atau penduduk setempat. Kajian juga akan menilai faktor yang mempengaruhi cadangan melokalisasikan pusat pengurusan zakat di masjid.

METODOLOGI

Maklumat dan data yang diperoleh adalah daripada data primer iaitu dari borang kaji selidik yang diedarkan di kawasan Bandar Baru Bangi. Bandar Baru Bangi dipilih sebagai sampel kajian memandangkan majoriti penduduk adalah beragama Islam. Ia juga dikenali sebagai Bandar Melayu elit atau bandar satelit. Responden dipilih hanya dari beberapa kawasan di Bandar Baru Bangi iaitu dari Seksyen 9

berdekatan dengan masjid utama di kawasan Bandar Baru Bangi dan juga di Seksyen 8 yang berdekatan dengan kaunter zakat Selangor cawangan Bandar Baru Bangi. Sebanyak 250 soal selidik diedarkan namun sebanyak 100 soal selidik telah telah dipilih dan dianalisis yang terdiri daripada responden lelaki dan perempuan Muslim. Data dianalisis dengan menggunakan beberapa alat kajian seperti ujian alfa Cronbach, ujian analisis faktor dan ujian regresi. Analisis kepercayaan yang diperolehi iaitu ujian alfa Cronbach akan menentukan dan mengenalpasti masalah yang diperoleh daripada soal selidik dan ianya akan diperbaiki sebelum kajian sebenar dijalankan. Statistik deskriptif dan inferensi digunakan bagi tujuan penganalisan data. Dalam kajian ini, maklumat demografi responden kajian dianalisis dengan menggunakan peratusan dan kekerapan.

Analisis min skor dalam kajian ini untuk menilai beberapa item soal selidik di bahagian B dan C. Di bahagian B, item tempat yang bersesuaian untuk dijadikan Pusat Pengurusan Zakat akan di analisis menggunakan min skor. Manakala bahagian C, skor min akan menentukan faktor yang paling mempengaruhi penerimaan responden untuk mewujudkan pusat pengurusan zakat di masjid. Analisis faktor juga dijalankan ke atas bahagian C yang terdiri daripada 11 item bagi mengenalpasti pelbagai faktor yang mempengaruhi persetujuan berkenaan cadangan mewujudkan kaunter atau pejabat pengurusan zakat di masjid utama di kawasan penduduk setempat. Akhir sekali susulan daripada analisis faktor, analisis regresi logistik digunakan untuk mengenal pasti pembaharuan yang signifikan sebagai faktor yang mempengaruhi cadangan melokalisasikan pusat pengurusan zakat di masjid.

HASIL KAJIAN

Analisis demografi responden: Hasil kajian mendapati seramai 67 orang (67%) responden adalah lelaki dan seramai 33 orang responden adalah perempuan yang mewakili 33%. Responden yang berumur antara 20 tahun hingga 30 tahun merupakan majoriti dalam kajian ini dengan bilangannya seramai 50 (50%) diikuti oleh 29 orang (29%) responden yang berusia antara 31 tahun hingga 40 tahun. Seterusnya responden yang berumur antara 41 tahun hingga 50 tahun adalah seramai 16 orang (16%). Manakala bagi responden yang terlibat berumur 51 tahun ke atas adalah seramai 5 orang (5%). Manakala daripada aspek status perkahwinan pula, seramai 51 orang sudah berkahwin (51%), 47 orang responden adalah belum berkahwin iaitu bujang (47%) dan selebihnya iaitu 3 orang responden berstatus duda atau janda (3%). Analisis menunjukkan sebilangan besar responden dalam kajian mempunyai pendidikan diploma adalah paling ramai iaitu 33 orang (33%) diikuti dengan kelayakan Ijazah Sarjana Muda iaitu seramai 31 orang (31%). Seterusnya diikuti pula dengan pendidikan SPM seramai 24 orang (24%), STPM atau STAM seramai 6 orang (6%), Sijil seramai 3 orang, tahap pendidikan Sarjana adalah seramai 2 orang, sementara itu kelayakan pendidikan paling rendah adalah SRP atau PMR ke bawah iaitu 1 orang mewakili (1%). Sebahagian besar responden

adalah bekerja di sektor swasta iaitu seramai 34 orang mewakili 34 peratus, sektor pekerjaan kedua tertinggi diwakili oleh sektor kerajaan iaitu seramai 27 orang (27%) diikuti oleh pelajar seramai 22 orang (22%), bekerja sendiri seramai 9 orang (9%) dan pesara dan suri rumah masing masing seramai 3 orang (3%). Sementara pekerjaan yang paling rendah adalah di sektor badan berkanun iaitu seramai 2 orang (2%). Majoriti responden tidak menerima zakat iaitu seramai 87 orang yang mewakili 87%, selebihnya adalah penerima zakat iaitu sebanyak 13 orang (13%). Seterusnya, dari segi status penerima atau pembayar zakat, hasil menunjukkan majoriti responden adalah pembayar zakat iaitu seramai 73 orang(73%), manakala selebihnya adalah bukan pembayar zakat iaitu seramai 27 orang (27%).

Analisis Min Skor: Item soal selidik di bahagian B dianalisis menggunakan min skor. Hasil menunjukkan tiga (3) item pilihan tempat melokalisasikan pusat pengurusan zakat mencapai nilai min markah yang tinggi iaitu daripada 3.68 hingga 4.34, manakala dua (2) item mencapai markah sederhana iaitu dari 3.46 hingga 3.61. Hasil menunjukkan min pendapat responden bersetuju lokalisasi di masjid amat sesuai untuk aktiviti pengurusan zakat menunjukkan nilai min yang tertinggi iaitu sebanyak 4.34. Majoriti responden sangat bersetuju dan setuju dengan pernyataan ini iaitu seramai 49 orang (49%) sangat bersetuju dan 43 orang (43%) setuju. Manakala hanya 1 orang (1%) responden yang tidak setuju. Sejumlah 7 orang responden yang diwakili 7 peratus menjawab sederhana terhadap pernyataan ini. Min seterusnya iaitu bagi pendapat di bank adalah kedua tertinggi iaitu bernilai 3.77. Jumlah responden yang setuju adalah sebanyak 49 orang (49%). Manakala 26 orang (26%) responden yang menjawab sederhana, diikuti oleh 18 orang (18%) responden sangat bersetuju. Seterusnya seramai 6 orang yang tidak setuju iaitu diwakili oleh 6 peratus responden dan hanya seorang (1%) sahaja responden yang sangat tidak setuju.

Jadual 1: Min Skor Cadangan Melokalisasikan Pusat Pengurusan Zakat di Masjid

No item	Pernyataan	<u>STS</u>	<u>TS</u>	<u>S</u>	<u>S</u>	<u>SB</u>	Min
		Bil	Bil	Bil	Bil	Bil	
		(%)	(%)	(%)	(%)	(%)	
1	Pengurusan zakat di masjid lebih cekap dan efisien	1 (1)		12 (12)	46 (46)	41 (41)	4.26
2	Di masjid lebih mudah bekerjasama dengan masyarakat setempat	1 (1)	1 (1)	13 (13)	40 (40)	45 (45)	4.27
3	Proses pembayaran dan agihan menjadi lebih cepat jika dijalankan di masjid	1 (1)		13 (13)	47 (47)	39 (39)	4.23
4	Imej institusi zakat akan meningkat dan akan	1 (1)		14 (14)	50 (50)	35 (35)	4.18

	menarik lebih ramai masyarakat membayar zakat jika proses pembayaran zakat dilakukan di masjid						
5	Di masjid lebih mudah dihubungi dan menjimatkan masa aktiviti keagamaan yang dilakukan di masjid jika pengurusan zakat ditempatkan di masjid	1 (1)	1 (1)	11 (11)	50 (50)	37 (37)	4.21
6	Masjid berperanan penting dalam kegiatan ekonomi dan juga mengagihkan zakat kerana lokasinya strategik	1 (1)		12 (12)	46 (46)	41 (41)	4.26
7	Masjid adalah tempat aktiviti umat islam khususnya berkaitan aktiviti keagamaan			8 (8)	39 (39)	53 (53)	4.45
8	Masjid adalah pusat kegiatan ilmu dan dakwah ,oleh itu ia menjadikan mudah untuk berkempen berkenaan zakat	1 (1)		8 (8)	37 (37)	54 (54)	4.43
9	Pengurusan zakat di masjid secara tidak langsung akan menggalakkan masyarakat setempat menunaikan solat secara berjemaah	1 (1)		7 (7)	47 (47)	45 (45)	4.36
10	Masyarakat setempat akan cenderung kepada aktiviti keagamaan yang dilakukan di masjid jika pengurusan zakat ditempatkan di masjid	1 (1)		8 (8)	45 (45)	46 (46)	4.35
Min Keseluruhan							4.34

Pilihan pendapat tempat di surau adalah ketiga tertinggi nilai min iaitu sebanyak 3.68. Seramai 54 orang responden iaitu sebanyak 54 peratus adalah setuju

dan 28 orang (28%) responden berpandangan tahap sederhana dengan pernyataan tersebut. Ini diikuti oleh 11 orang responden yang sangat bersetuju (11%). Manakala seramai 6 orang (6%) responden tidak setuju dan hanya 1 orang (1%) yang sangat tidak setuju. Manakala nilai min pendapat di pusat membeli belah adalah bernilai 3.61. Majoriti responden setuju dengan pernyataan ini iaitu seramai 39 orang (39%) dan 28 orang (28%) responden menjawab sederhana. Manakala 19 orang (19%) responden sangat setuju. Seterusnya 12 orang (12%) tidak setuju dan hanya 2 orang (2%) sangat tidak setuju. Nilai min yang paling rendah iaitu 3.46 yang mewakili pendapat di bangunan kedai. Sangat setuju adalah pilihan paling tinggi iaitu seramai 34 orang (34%), manakala pilihan kedua tertinggi adalah sederhana iaitu seramai 24 orang (24%). Seramai 20 orang (20%) responden tidak setuju dan diikuti seramai 19 orang (19%) responden sangat setuju dan hanya 3 orang (3%) responden adalah sangat tidak setuju.

Min Skor Cadangan Melokalisasikan Pusat Pengurusan Zakat di Masjid: Faktor yang paling mempengaruhi cadangan melokalisasikan pusat pengurusan zakat di masjid di analisis menggunakan nilai min skor. Hasil menunjukkan kesemua 10 item berada pada penilaian tinggi iaitu antara nilai 4.45 hingga ke nilai 4.18. (rujuk Jadual 1). Secara keseluruhannya, purata min bagi faktor yang mempengaruhi persetujuan tentang cadangan melokalisasikan pusat pengurusan zakat di masjid adalah 4.34. Ini menunjukkan responden bersetuju dengan semua pernyataan atau faktor tersebut dan persetujuan cadangan melokalisasikan pusat pengurusan zakat di masjid adalah pada tahap tinggi.

Bagi pernyataan masjid adalah tempat aktiviti umat Islam khususnya berkaitan aktiviti keagamaan, min skor pernyataan ini merupakan min skor tertinggi bagi faktor cadangan melokalisasikan pusat pengurusan zakat di masjid iaitu bernilai 4.45. Seterusnya, bagi pernyataan masjid adalah pusat kegiatan ilmu dan dakwah dan menjadikan mudah untuk berkempen berkenaan zakat, nilai min skor bagi pernyataan ini adalah kedua tertinggi iaitu bernilai 4.43. Min ketiga tertinggi diwakili oleh pernyataan pengurusan zakat di masjid secara tidak langsung akan menggalakkan masyarakat setempat menunaikan solat secara berjemaah iaitu bernilai 4.36. Manakala bagi penyataan masyarakat setempat akan cenderung kepada aktiviti keagamaan yang dilakukan di masjid jika pengurusan zakat ditempatkan di masjid merupakan min keempat tertinggi iaitu bernilai 4.35.

Seterusnya bagi pernyataan masjid lebih mudah bekerjasama dengan masyarakat setempat mewakili min yang kelima tertinggi iaitu sebanyak 4.27. Pernyataan saya yakin pengurusan zakat di masjid lebih cekap dan efisien dan masjid berperanan penting dalam kegiatan ekonomi dan juga mengagihkan zakat kerana lokasinya strategik masing masing mewakili skor min yang sama iaitu bernilai 3.26. Manakala min skor bagi pernyataan saya yakin proses pembayaran dan agihan menjadi lebih cepat adalah bernilai 4.23. Manakala pernyataan di masjid lebih mudah dihubungi dan menjimatkan masa aktiviti keagamaan yang dilakukan

di masjid jika pengurusan zakat ditempatkan di masjid mewakili min skor 4.21. Pernyataan min paling rendah adalah saya yakin imej institusi zakat akan meningkat dan akan menarik lebih ramai masyarakat membayar zakat jika proses pembayaran zakat dilakukan di masjid iaitu sebanyak 4.18.

Analisis Faktor: Jadual 2 menunjukkan hasil daripada analisis faktor yang dijalankan ke atas bahagian C soal selidik menunjukkan pemboleh ubah boleh dipecahkan kepada dua kolumn yang berlainan iaitu bahagian C1 yang mewakili pemboleh ubah tempat yang mudah akses dan bahagian C2 mewakili pemboleh ubah tempat aktiviti umat Islam. Item atau pemboleh ubah yang dimansuhkan ialah masyarakat setempat akan cenderung kepada aktiviti keagamaan yang dilakukan di masjid jika pengurusan zakat ditempatkan di masjid kerana mempunyai nilai yang paling rendah iaitu 0.195.

Jadual 2: Komponen Matrik berputar

Bil		Komponen	
		C1	C2
1	Pengurusan zakat di masjid adalah lebih cekap dan efisien	.785	
2.	Masjid lebih mudah bekerjasama dengan masyarakat setempat	.801	
3.	Proses pembayaran dan agihan menjadi lebih cepat jika dijalankan di masjid	.758	
4.	Imej institusi zakat akan meningkat dan akan menarik lebih ramai masyarakat membayar zakat jika proses pembayaran zakat dilakukan di masjid	.839	
5.	Di masjid lebih mudah dihubungi dan menjimatkan masa	.827	
6.	Masjid berperanan dalam kegiatan ekonomi dan juga mengagihkan zakat kerana lokasinya strategik	.801	
7.	Masjid adalah tempat aktiviti umat Islam khususnya berkaitan aktiviti keagamaan		.536
8.	Masjid adalah pusat kegiatan ilmu dan dakwah, oleh itu ia menjadikan mudah untuk berkempen berkenaan zakat		.460
9.	Pengurusan zakat di masjid secara tidak langsung akan menggalakkan masyarakat setempat menunaikan solat secara berjemaah		.378

Sumber: analisis data soal selidik

Regresi Logistik: Di dalam analisis regresi logistik hanya terdapat dua kebarangkalian sahaja iaitu 1 bagi responden yang bersetuju dan 0 bagi responden yang tidak bersetuju dengan konsep melokalisasikan pusat pengurusan zakat. Sebanyak dua faktor yang dijangkakan mempengaruhi tahap persetujuan penduduk setempat terhadap cadangan melokalisasikan pusat pengurusan zakat iaitu (1) tempat yang mudah akses dan (2) tempat aktiviti umat Islam. Nilai parameter C1 menunjukkan kebarangkalian setuju konsep lokalisasi dengan alasan tempat mudah akses. Manakala nilai parameter C2 menunjukkan kebarangkalian setuju dengan lokalisasi dengan alasan tempat aktiviti umat Islam. Hasil daripada analisis regresi logistik yang dijalankan, satu persamaan statistik regresi logistik dapat dibentuk seperti persamaan 1.

$$\text{Log } (P_i / (1-P_i)) = 0.1.694 + 0.456C1 + (-0.094)C2 \quad (1)$$

Di mana:

P = Kebarangkalian bagi responden yang bersetuju dengan konsep melokalisasikan pusat pengurusan zakat (Setuju=1; Tidak Setuju=0)

C1= Tempat Mudah Akses

C2= Tempat Aktiviti Umat Islam

Daripada persamaan tersebut, jelas menunjukkan faktor pembolehubah tempat mudah akses dan tempat aktiviti umat Islam merupakan pembolehubah yang tidak signifikan mempengaruhi persetujuan konsep melokalisasikan pusat pengurusan zakat. Secara ringkasnya, hasil regresi binomial logistik dapat ditunjukkan dalam Jadual 3.

Jadual 3: Hasil Persamaan Regresi Binomial Logistik Pemboleh Ubah Bebas

Pembolehubah	B	S.E.	Wald	df	Sig.	Exp(B)
Tempat Mudah Akses	.456	.848	.290	1	.590	1.578
Tempat Aktiviti Umat Islam	-.094	1.105	.007	1	.932	.911
Konstan	1.694	3.773	.201	1	.654	5.439

CADANGAN DAN IMPLIKASI DASAR

Cadangan utama dalam kajian ini adalah Bandar Baru Bangi memerlukan lebih dari satu tempat pengkhususan pengurusan zakat. Memandangkan kaunter pengurusan zakat di Bandar Baru Bangi juga menguruskan urusan zakat bagi penduduk Semenyih dan Beranang. Pusat pengurusan zakat yang sedia ada hanya boleh berurusan pada waktu pejabat, timbulnya kesukaran penduduk yang ingin berurusan dengan pusat zakat. Contohnya masyarakat yang ingin memohon zakat namun terdapat kekangan masa disebabkan mereka bekerja pada waktu operasi pusat zakat dan bagi yang tinggal berjauhan mereka menghadapi masalah kekangan jarak yang jauh, misalnya penduduk di luar kawasan Bandar Baru Bangi, iaitu di Beranang dan Semenyih. Kajian melihat perlu diwujudkan lebih banyak tempat

pengurusan zakat contohnya di masjid utama. Masjid tempat yang paling sesuai untuk mengendalikan urusan kutipan dan agihan zakat. Tambahan pula masjid merupakan tempat pertemuan utama bagi umat islam tanpa mengira latar belakang. Kesimpulannya kajian mencadangkan dan menyokong cadangan LZS untuk menubuhkan pusat pengurusan zakat di masjid utama di Bandar Baru Bangi dan difahamkan waktu operasi pusat pengurusan zakat di masjid akan dijalankan pada waktu malam.

Cadangan kedua pihak lembaga zakat perlu lebih aktif bergerak dan turun padang untuk mengenalpasti asnaf yang layak untuk menerima zakat. Pusat zakat wajib mengubah pendekatannya dalam pengagihan zakat bagi memastikan setiap kutipan berjaya disalurkan kepada golongan asnaf. Misalnya kaunter Lembaga Zakat Bandar Baru Bangi bukan hanya perlu turun padang di kawasan Bandar Baru Bangi sahaja tetapi mereka juga perlu bergerak aktif di kawasan yang dipertanggungjawabkan iaitu kawasan Beranang dan Semenyih. Cadangan ketiga pusat pengurusan zakat perlu bekerjasama dengan badan bukan kerajaan (NGO) untuk turun membantu asnaf dan orang miskin yang memerlukan. Cadangan yang keempat adalah memudahkan urusan permohonan zakat dan pengagihan zakat. Contohnya untuk memohon zakat, asnaf atau penduduk setempat tidak perlu untuk ke kaunter. Perbanyak kaedah untuk memohon zakat contohnya dengan memuat turun borang permohonan di laman web atau melalui kaunter bergerak dan pandu laju. Sesuai dengan kemudahan bayaran yang banyak disediakan oleh pihak pengurusan zakat, maka proses pengagihan juga perlu dimudahkan.

KESIMPULAN

Berdasarkan hasil kajian yang diperolehi amat wajarlah penempatan utama pusat zakat dilakukan di masjid seperti di Masjid utama di Klang dan Shah Alam. Masjid merupakan institusi yang boleh dipercayai untuk menjalankan amanah Allah iaitu menguruskan hal ehwal zakat. Secara tuntasnya, masyarakat setempat bersetuju jika lokalisasi pusat zakat diadakan di masjid utama di kawasan Bandar Baru Bangi. Zakat adalah amanah kepada golongan penerima dan merupakan tanggungjawab kepada golongan pembayar. Tugas menyampaikan amanah kepada golongan yang sepatut dan selayaknya harus diberi penekanan yang sangat penting. Pihak institusi zakat dan badan yang dilantik harus memainkan peranan dalam usaha pengagihan zakat secara efektif dan berterusan. Ini bagi memastikan tiada golongan asnaf yang dipinggirkan dan sumber zakat yang dikutip dapat mencapai matlamat falsafah zakat yang sebenar.

RUJUKAN

- Hairunnizam Wahid, Sanep Ahmad & Radiah Abdul Kader. (2012a). Melokalisasikan Urus tadbir Pengagihan Zakat: Peranan Institusi Masjid di Malaysia *Asian Journal of Accounting and Governance* 3: 71-83
- Hairunnizam Wahid, Sanep Ahmad & Radiah Abdul Kader. (2012b). Cadangan Penyetempatan Pengagihan Zakat Di Malaysia: Adakah Amil Sudah Bersedia? *Jurnal Ekonomi Malaysia* 46(2):17-27
- Khaf. M (1999) The performance of the institution of zakat in theory and practice. International conference on Islamic economics towards the 21st Century, Kuala Lumpur, April 26-30, 1999
- Muhammad Syukri Salleh (2006) Lokalisasi pengagihan zakat: Satu cadangan teoritis. Dlm. Zakat: Pensyariatan, Perekonomian & Perundangan, disunting oleh Hailani & Abdul Ghafar. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nik Mustapha Nik Hassan. (1991) Zakat in Malaysia: present and future status. Dlm. *Development and Finance in Islam*, disunting oleh Sadeq et al. Kuala Lumpur: Zafar Press Pte. Ltd
- Radiah Abdul Kader, Hairunnizam Wahid & Sanep Ahmad (2010). Cadangan Melokalisasikan Pengagihan Zakat Di Malaysia: Satu Kajian Empirik The 4th ISDEV International Islamic Development Management Conference (IDMAC 2010) Zakat Transformation: From Subsistence to Productive 21st -22nd December 2010. Anjuran: Centre for Islamic Development Management Studies (ISDEV) and Universiti Sains Malaysia
- Sanep Ahmad. & Zulkifli Daud (2010). Model gelagat pematuhan dan pengelakan zakat: Suatu tinjauan teori. Paper presented at the Seventh International Conference-The Tawhidi Epistemology: Zakat and Waqf Economy, Bangi, Selangor.

Penafian

Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.